

Kebebasan untuk manfaat umum

BB 17 NOV 1986

KUALA LUMPUR, Ahad

KEBEBASAN dalam konteks demokrasi Malaysia bermaksud kepentingan ramai lebih utama daripada kepentingan perseorangan, tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Serentak itu, kebebasan bersuara dan bertindak hanya dilindungi oleh undang-undang jika penggunaannya tidak mengancam masyarakat umum.

"Keadaan hidup masyarakat berbilang kaum di negara ini menyebabkan kita tidak boleh menerima konsep kebebasan individu cara Barat yang hanya mementingkan diri atau kumpulan.

"Oleh itu, demokrasi di Malaysia mesti sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan masyarakat umum lebih daripada kepentingan sekumpulan kecil masyarakat dan persendirian," katanya ketika merasmikan perhimpunan agung MCA hari ini.

Perkara sensitif

Kebijaksanaan menggunakan kebebasan menjadi lebih penting dalam masyarakat pelbagai kaum Malaysia kerana banyak perkara sensitif yang perlu diurus dengan hati-hati dan bijaksana untuk mengelakkan timbulnya masalah.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir meminta rakyat jargon mempersoalkan lagi kedudukan mana-mana kaum di negara ini kerana isu pribumi sudah selesai.

Perdana Menteri berkata perkara itu tidak perlu dibangkitkan lagi kerana semua pihak terbabit sudah menerima keputusan Kabinet yang memperakui bahawa orang Melayu dan Bumiputera lain adalah penduduk asal negara ini dan kaum Cina dan India pula bukanlah pendatang asing.

Beliau menegaskan mereka semua adalah warga-negara Malaysia dan mempunyai hak yang sama sebagai rakyat negara ini.

Oleh itu, katanya semua rakyat mesti menggembleng tenaga bagi menghadapi ancaman yang lebih besar terhadap kemakmuran negara ini, iaitu kelembapan ekonomi.

Turut hadir di majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, Presiden Gerakan, Datuk Dr Lim Kheng Yaik, Timbalan Presiden, MIC Datuk S Subramaniam, dan beberapa wakil parti-parti komponen BN.

Beliau berkata sikap rakyat yang terlalu terikut-ikut oleh apa yang mereka sifatkan sebagai proses demokratik juga mencemar iklim politik dan menjejaskan ekonomi negara yang sudah menampakkan tanda-tanda akan pulih.

Katanya rakyat janganlah terlalu cepat mengecam negara sebagai tidak demokratik semata-mata kerana kita tidak mengikut 100 peratus sistem demokrasi yang diamalkan oleh Barat.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata BN dan kerajaan mempunyai cara, forum serta saluran tertentu untuk menyelesaikan masalah yang sensitif dan setakat ini cara ini sudah dapat mengatasi pelbagai masalah.

Katanya perkara yang berkaitan kaum sering menimbulkan emosi dan dengan memindahkan isu itu daripada tempat-tempat awam dan jalan-jalan raya ke bilik mesyuarat, negara berjaya menyelesaikan masalah kaum berkali-kali, termasuk pertelingkahan kaum yang terakhir.

Mengenai kelembapan ekonomi, Perdana Menteri berkata keadaan itu sudah mendedahkan segala kelemahan dan kecurangan yang berlaku dan "kita harus belajar daripada pengalaman itu untuk mengadakan asas-asas amalan ekonomi yang lebih sihat."

Beliau yang merujuk kepada penyelewengan yang berlaku dalam koperasi-koperasi berkata: "Kita harus berhati-hati apabila memberi kepercayaan kepada mana-mana pengurus.

"Kita harus ada peraturan-peraturan dan kita harus menyemaknya selalu. Janganlah kita terlalu tertarik dengan mendapat untung yang banyak dan cepat sehingga kita mudah percaya kepada kata-kata manis orang tertentu," tambahnya.